




## BERITA DAN ISU SEMASA IMPAK COVID-19 KEPADA EKONOMI

RUJUKAN: 20 – 22 JULAI 2021

BIL. 26 / 2021



# RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

## 1. PENDAHULUAN

- 1.1 Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 22 Julai 2021 **kumulatif kes sembah bertambah kepada 815,293** atau 84.5 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **142,051 kes yang masih aktif**. Sementara itu, **kes baharu** direkodkan sebanyak **13,034** dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **964,918 kes**. Penularan tempatan meliputi **99.8 peratus** atau **13,009 kes** daripada catatan harian dengan **88.0 peratus dikesan** melibatkan jangkitan dari **kalangan warganegara Malaysia** manakala **kes import berjumlah 25 kes**. Kawasan Lembah Klang **mendominasi kumulatif kes positif** dengan menyumbang **sebanyak 46.7 peratus**, Zon Selatan (18.0 peratus), Wilayah Malaysia Timur (16.6 peratus), Zon Utara (11.3 peratus) dan Zon Pantai Timur (7.5 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes harian baharu** diterajui menerusi catatan di **Selangor** iaitu **6,049 kes** disusuli Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (1,611 kes), Johor (791 kes), Negeri Sembilan (711 kes), Kedah (701 kes) dan Sarawak (644 kes). Sejumlah **7,574 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **134 kematian terbaru** sementara **rekod harian tertinggi kematian** adalah **135 kes** yang dicatatkan pada 8 Julai 2021.
- 1.2 Sementara itu, perkembangan terkini statistik **Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan** sehingga 21 Julai 2021 menunjukkan seramai **10,493,745** telah **divaksinasi**. Di peringkat negeri, **Selangor menerajui** bilangan yang telah divaksinasi iaitu **2,310,339** diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan 1,873,435. Antara negeri-negeri yang turut mencatatkan bilangan penerima yang tinggi adalah Sarawak (1,587,012), Johor (756,958), Perak (598,472), Pulau Pinang (546,741), Sabah (527,097), Negeri Sembilan (460,641), Kedah (434,977) sementara Pahang dan Kelantan masing-masing merekodkan 330,814 dan 326,434. Secara keseluruhannya, jumlah pemberian vaksin telah mencapai **15,410,461** meliputi **10,493,745** penerima bagi **dos pertama** manakala **4,916,716** telah menerima **dos yang kedua**.
- 1.3 Krisis kesihatan yang berpanjangan turut mencetuskan ketidaktentuan ekonomi di dalam mahupun luar negara. Senario ini digambarkan menerusi beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily dan pelbagai sumber lain. Butiran terkini pasaran ekonomi antarabangsa adalah seperti berikut:

- Global: **IMF menggesa negara-negara untuk beralih ke reformasi ekonomi.** IMF menyarankan negara-negara untuk beralih dari polisi berbentuk penyelamatan ekonomi kepada reformasi ke atas dasar yang berorientasikan pertumbuhan bagi meningkatkan prospek pemulihan dan menjadikan ekonomi lebih mampan. Menurut IMF, pandemik COVID-19 telah melambatkan dan membalikkan beberapa pembaharuan pro-pertumbuhan. Oleh itu, reformasi ekonomi dapat membantu menebus hasil yang hilang semasa pandemik tersebut. (Reuters)
- US: **Pembinaan baharu kediaman meningkat pada Jun 2021 manakala pemberian permit pembinaan jatuh dengan teruk.** Pembinaan kediaman US meningkat lebih tinggi dari yang dijangkakan pada Jun 2021, walaupun kos bahan seperti kayu meningkat dan tenaga buruh yang kurang terus mengekang kemampuan sektor Pembinaan untuk memanfaatkan sepenuhnya permintaan kediaman yang kuat. Pembinaan baharu kediaman meningkat 6.3% kepada kadar tahunan 1.643 juta unit. (CNBC)
- EU: **Bank menyaksikan kenaikan permintaan pinjaman pada ST3 2021.** Bank-bank di Euro Zone menjangkakan permintaan bersih pinjaman kepada perniagaan dan isi rumah meningkat lebih tinggi pada ST3 2021, didorong oleh peningkatan keyakinan pengguna dan perniagaan seiring dengan peningkatan aktiviti ekonomi. Pada ST2 2021, tinjauan ECB mendapati peningkatan permintaan pinjaman oleh perniagaan. (RTT)
- EU: **Lebihan akaun semasa Euro Zone menyusut pada Mei 2021.** ECB melaporkan lebihan akaun semasa di Euro Zone turun kepada EURO12 bilion pada Mei 2021 daripada EURO22 bilion yang dicatatkan pada April 2021. Pada tempoh yang sama tahun lalu, lebihan itu berjumlah EURO6 bilion. Lebihan perdagangan barang tidak berubah pada EURO25 bilion, sementara lebihan perdagangan perkhidmatan turun kepada EURO6 bilion dari EURO9 bilion yang dicatatkan pada bulan sebelumnya. (RTT)
- CHINA: **Kadar utama pinjaman tidak berubah.** China membiarkan kadar pinjaman utama tidak berubah setelah bank pusat menurunkan nisbah keperluan rizabnya minggu lalu. Kadar pinjaman satu tahun dikekalkan pada 3.85% dan kadar pinjaman lima tahun pada 4.65%. Kadar pinjaman satu tahun dan lima tahun terakhir diturunkan pada April 2020. (RTT)

- TAIWAN: **Pesanan eksport Jun 2021 meningkat.** Pesanan eksport Taiwan meningkat lebih dari yang dijangkakan pada Jun 2021. Kerajaan Taiwan turut menyatakan bahawa prospek untuk pengeluaran barang teknologi di negara berkenaan tetap kuat berdasarkan permintaan ke atas cip berteknologi tinggi dan untuk memenuhi permintaan di musim percutian akhir tahun. Ministry of Economic Affairs melaporkan pesanan eksport Taiwan melonjak 31.1% dari tahun sebelumnya kepada USD53.73 bilion pada Jun 2021. (Reuters)
- HONG KONG: **Kadar pengangguran jatuh pada Jun 2021.** Census and Statistics Department melaporkan kadar pengangguran Hong Kong turun kepada 5.5% dalam tempoh tiga bulan hingga Jun 2021 dari 6.0% dalam tempoh tiga bulan hingga Mei 2021. Kadar guna tenaga tidak penuh turut mencatatkan penurunan kepada 2.5% daripada 2.8% pada tempoh sebelumnya. Bilangan penganggur susut sekitar 20,000 kepada 213,100 pada tempoh April hingga Jun 2021. (RTT)

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. **World Trade Centre Kuala Lumpur (WTCKL)** menandatangani memorandum persefahaman (**MoU**) dengan **Chamber of International Commerce (COIC) Shanghai** bagi meneroka peluang industri perdagangan di peringkat antarabangsa. COIC Shanghai akan berganding bahu dengan WTCKL untuk melakukan lebih banyak aktiviti kerjasama dalam meningkatkan idea pertukaran ekonomi dan perdagangan antara perusahaan perdagangan dari kedua-dua negara dan memainkan peranan yang lebih besar untuk mempromosikan hubungan ekonomi dan perdagangan di antara Shanghai dan Kuala Lumpur.
2. **Malaysia** dijangka akan terus menjadi destinasi menarik untuk **perkhidmatan pembuatan dan global bernilai tinggi di Asia**. Malaysia mencatatkan **pelaburan yang diluluskan** bernilai **RM80.6 bilion** dalam **sektor pembuatan, perkhidmatan dan primer** pada suku pertama 2021, lonjakan 95.6 peratus dari tempoh yang sama tahun lalu. **Sektor E&E** adalah antara **indeks utama** yang mempunyai **prestasi tinggi** seperti output pembuatan, eksport, dan juga penjualan pembuatan.
3. **Kerajaan** telah melaksanakan **Inisiatif Agenda Hijau** melalui Dasar Teknologi Hijau Kebangsaan, antaranya ialah Skim Pembiayaan Teknologi Hijau, Elaun Cukai Pelaburan Hijau dan Program Perolehan Hijau. **Skim Pembiayaan Teknologi Hijau** menghasilkan **RM5.6 bilion** disalurkan kepada **431 syarikat dan syarikat hijau**.
4. **Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)** menyasar untuk membantu 600 syarikat Malaysia dan menjana **penjualan eksport** di peringkat **global** bernilai **RM60 juta** menerusi **program 'Electronic Business Linkages' (eBizLink)**. Selain itu, lebih 40 Kempen Global ePerniagaan akan dianjurkan di bawah program eBizLink selama setahun. Projek pertama dilancarkan secara serentak di Kuala Lumpur dan Beijing, China pada 17 Jun 2021 yang merekodkan jualan sebanyak 15.18 juta yuan (RM9.87 juta).
5. **Pembiayaan** melalui **platform pembayaran digital rantaian bekalan nasional JanaNiaga** dijangka mampu **menyumbang** kepada **RM4.8 bilion kecairan tunai Perusahaan Kecil Sederhana Negara (PKS)** negara. Pada peringkat awal ini, JanaNiaga akan dilaksanakan dengan Petronas dan Telekom Malaysia (TM). Platform JanaNiaga berterajukan pembiayaan invois daripada pembekal syarikat berkaitan kerajaan (GLC) melalui portal digital. Platform seperti ini memberi faedah besar kepada ekosistem dan diguna pakai secara luas oleh semua ekonomi luar negara.

6. **Penjualan jet A380** boleh menyebabkan **kerugian** yang signifikan kepada **Malaysia Airlines Bhd (MAB)** disebabkan lambakan jet jumbo di pasaran dan permintaan yang lemah. Pada masa yang sama, ia akan memberi impak kepada penilaian yang tinggi terhadap A380 disebabkan permintaan perjalanan udara yang kekal rendah serta larangan perjalanan berpunca daripada pandemic COVID-19.
7. **Persatuan Automotif Malaysia (MAA)** telah **menurunkan** perkiraan jumlah industri 2021 (**TIV**) kepada **500,000 unit** daripada **570,000** unit sebelumnya, kerana **penjualan kenderaan** pada bulan **Jun tahun ini menurun** hampir **100%** berikutan perintah '*lockdown*' seluruh negara yang dikenakan oleh kerajaan. **Jualan automotif merosot** kepada hanya **1,921 unit** pada bulan **Jun** - **penurunan 96%** daripada **47,204** unit pada bulan **Mei** disebabkan oleh penutupan bahagian pemasangan kerana sektor automotif tidak disenaraikan sebagai aktiviti ekonomi penting dan penutupan bilik pameran semasa perintah '*lockdown*'.
8. Berdasarkan **garis panduan Kementerian Kesihatan** untuk penyumberan luar **pesakit bukan COVID ke hospital swasta**, caj siling bagi setiap pesakit adalah **RM45,000** untuk **pembedahan**, **RM25,000** untuk **bukan pembedahan**, **RM5,000** untuk **follow-up** dan **kadar terendah** yang terdapat di wad untuk **bayaran katil**.
9. Melalui **program penyumberan luar**, pihak **hospital swasta** akan **ambil pesakit** yang ditetapkan oleh **hospital kerajaan** dengan **kos rawatan ditanggung sepenuhnya** oleh **kerajaan**. Kos rawatan itu sudah dipersetujui bersama dan **seandainya ia melebihi nilai siling**, pihak perubatan **swasta** akan **berunding semula** dengan **kerajaan**.
10. **Harga minyak mentah dunia susut** selepas peningkatan mengejutkan dalam stok simpanan minyak mentah Amerika Syarikat (AS) dan pelabur bimbang impak terhadap permintaan susulan penularan pantas varian Delta.
11. Majlis Persatuan Mekanikal dan Elektrik Malaysia (MCMEA) menyatakan **sektor mekanikal dan elektrik** sedang **mengalami tekanan** yang akan **mengakibatkan perniagaan tidak lagi dapat bertahan** **berikut** segmen berkaitan pembuatan, rantai bekalan serta penyelenggaraan **tidak dibenarkan beroperasi**. MCMEA merupakan gabungan enam persatuan yang merangkumi lebih 3,000 syarikat melibatkan 100,000 pekerja.
12. **Federation of Malaysian Manufacturers (FMM)** berharap kerajaan akan **memberarkan syarikat pembuatan** yang bukan dalam senarai

**perkhidmatan perlu untuk beroperasi** dengan kapasiti pekerja 50 peratus tanpa mengira status Fasa 1 atau 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN). Pengilang yang tidak tersenarai dalam perkhidmatan perlu terutamanya PKS sangat terjejas berikutan penutupan operasi yang berpanjangan.

- 13.Kerajaan bersetuju untuk menetapkan **harga runcit bagi minyak masak sawit lima kg tidak melebihi RM30 sebotol**. Pewartaan harga siling minyak masak botol itu bertujuan mengelak isu lonjakan harga sehingga membebankan pengguna seperti pernah berlaku sebelum ini, selaras dengan program harga kawalan berasaskan nilai ambang minyak sawit mentah.
- 14.Seramai **1,017 daripada 3,391** penerima telah **menerima bantuan daripada program Bakul Prihatin Negara (BPN)**.
- 15.Jawatankuasa Bersama Vaksinasi dan Imunisasi (JCVI) mencadangkan supaya **kanak-kanak golongan rentan** mendapatkan suntikan **vaksin Pfizer-BioNTech**.
- 16.Kerajaan disaran membekalkan **kit ujian kendiri COVID-19 secara percuma kepada golongan B40** yang memerlukan. Pemberian **subsidi bersasar** kepada mereka perlu dipertimbangkan secara serius.
- 17.**Pengusaha kantin sekolah** akan menerima **bantuan secara one-off** dan **moratorium** selama 6 bulan bagi pembayaran sewa premis.
- 18.**Kekurangan bekalan telur ayam** daripada peladang selain **permintaan yang tinggi** menjadi **punca kenaikan harga telur ayam**. Banyak ladang ternakan tidak beroperasi kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan menyebabkan bekalan berkurangan.
- 19.**Lambakan durian musang king** dan beberapa jenis baka lain di Lipis, menyebabkan **harganya kini menjunam antara RM5 hingga RM15 sekilogram**. Pasaran yang cukup tenat ketika berdepan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyebabkan durian yang berkualiti dan mahal sebelum ini kurang mendapat permintaan.

A.	Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Sinar Harian</b> 21 Julai 2021 (Non-essential)	<p><b>PKPD: Empat lokaliti libatkan Sabah, Pahang</b></p> <p>Empat lokaliti melibatkan negeri Sabah dan Pahang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bermula 23 Julai hingga 5 Ogos. Lokaliti terbabit ialah Taman Merpati, Sandakan, Sabah; Felda Jengka 12, Jerantut; Kampung Belangkap, Rompin dan Kampung Orang Asli Ruai, Batu Talam, Raub, Pahang. PKPD di Kampung Istimewa, Batu Sapi, Sandakan dan Kondominium One Borneo, Kota Kinabalu, Sabah dilanjutkan berkuatkuasa bermula 23 Julai sehingga 5 Ogos.</p>	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/151160/BERITA/Nasional/PKPD-Empat-lokaliti-libatkan-Sabah-Pahang">https://www.sinarharian.com.my/article/151160/BERITA/Nasional/PKPD-Empat-lokaliti-libatkan-Sabah-Pahang</a>
2.	<b>Utusan Malaysia</b> 22 Julai 2021 (Non-essential)	<p><b>Inisiatif Agenda Hijau rancakkan ekonomi negara</b></p> <p>Inisiatif Agenda Hijau yang dilaksanakan di bawah Dasar Teknologi Hijau Kebangsaan sejak tahun 2009 memainkan peranan penting dalam menyokong pertumbuhan sektor teknologi hijau sebagai usaha merancakkan ekonomi dan mempromosi pembangunan lestari.</p> <p>Terdapat pelbagai inisiatif kerajaan dalam membangunkan teknologi hijau termasuklah Skim Pembiayaan Teknologi Hijau menghasilkan RM5.6 bilion disalurkan kepada 431 syarikat dan syarikat hijau.</p>	<a href="https://www.utusan.com.my/terkini/2021/07/inisiatif-agenda-hijau-rancakkan-ekonomi-negara/">https://www.utusan.com.my/terkini/2021/07/inisiatif-agenda-hijau-rancakkan-ekonomi-negara/</a>

3.	<b>Sinar Harian</b> 22 Julai 2021 <i>(Non-essential)</i>	<b>Pemberian insentif kepada usahawan terkesan COVID-19</b>  Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah menyediakan pakej bantuan melalui lima agensinya, iaitu Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA), Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA), Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR), Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) dan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA).  Bantuan ini akan memberikan impak kepada kumpulan sasar terutamanya usahawan dan peniaga kecil yang terkesan berikutan pelaksanaan PKP 3.0.	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/151244/BERITA/Nasional/Pemberian-insentif-kepada-usahawan-terkesan-Covid-19">https://www.sinarharian.com.my/article/151244/BERITA/Nasional/Pemberian-insentif-kepada-usahawan-terkesan-Covid-19</a>
<b>Penemuan penting &amp; isu:</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>PKP Diperketatkan (PKPD) akan dilaksanakan bermula 23 Julai sehingga 5 Ogos 2021 di beberapa lokaliti di Pahang dan Sabah berikutan daripada peningkatan kes positif di kawasan tersebut. Ia meliputi beberapa Kawasan di daerah Jerantut, Rompin dan Raub di Pahang, manakala beberapa lokaliti di daerah Sandakan dan Kota Kinabalu, Sabah.</li> <li>Kerajaan telah melaksanakan Inisiatif Agenda Hijau melalui Dasar Teknologi Hijau Kebangsaan, antaranya ialah Skim Pembiayaan Teknologi Hijau, Elaun Cukai Pelaburan Hijau dan Program Perolehan Hijau.</li> <li>Kementerian Pembangunan Luar Bandar turut menyokong usaha kerajaan untuk menjana semula ekonomi negara dengan menyediakan insentif kepada usahawan terkesan.</li> </ol>			
<b>Maklumbalas Bahagian:</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>Pelaksanaan PKPD dijangka akan memberi kesan secara langsung kepada ekonomi berikutan sekatan perjalanan dan penutupan sempadan. Pada tahun 2020, Pahang dan Sabah merekodkan pertumbuhan negatif dengan masing-masing menyusut sebanyak 5.9 peratus dan 9.5 peratus.</li> <li>Inisiatif Agenda Hijau yang dilaksanakan di bawah Dasar Teknologi Hijau Kebangsaan dilihat dapat menyokong pertumbuhan KDNK negara. Pada suku</li> </ol>			

<p>tahun pertama 2021, KDNK negara mencatatkan pertumbuhan marginal negatif 0.5 peratus.</p> <p>3. Langkah proaktif yang diambil oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar dijangka akan dimanfaatkan oleh Perusahaan Kecil dan Sederhana yang terkesan. Hal ini dapat meningkatkan ekonomi di negeri terlibat dan seterusnya akan menyumbang kepada pertumbuhan KDNK negara secara keseluruhan.</p>			
<b>B. Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)</b>			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
	<b>A. Subsektor Perdagangan Borong &amp; Runcit</b>		
1.	<b>Bernama</b> 20 Julai 2021 (Non-essential)	<b>Accelerate National Recovery Plan to ensure survival of non-essential sectors</b>  The Malaysian Employers Federation (MEF) has called on the government to urgently accelerate the National Recovery Plan (NRP) to Phase Three and Phase Four to ensure the survival of businesses, particularly those in the non-essential sectors such as the fashion, textile and apparel industry. President Datuk Syed Hussain Syed Husman said the prolonged movement control orders that have "remained enforced since March 2020 continue to devastate businesses and employment."	<a href="https://www.newsarakwaktribune.com.my/accelerate-national-recovery-plan-to-ensure-survival-of-non-essential-sectors/">https://www.newsarakwaktribune.com.my/accelerate-national-recovery-plan-to-ensure-survival-of-non-essential-sectors/</a>
2.	<b>Utusan Malaysia</b> 20 Julai 2021 (Essential)	<b>Mr DIY, Touch n Go jalin kerjasama, beri manfaat kepada pelanggan</b>  Mr. DIY Group (M) Berhad and Touch 'n Go Group mengumumkan inisiatif usaha sama strategik dalam memberikan pengalaman yang	<a href="https://www.utusan.com.my/ekonomi/2021/07/mr-diy-touch-n-go-jalin-kerjasama-beri-manfaat-kepada-pelanggan/">https://www.utusan.com.my/ekonomi/2021/07/mr-diy-touch-n-go-jalin-kerjasama-beri-manfaat-kepada-pelanggan/</a>

		lebih baik kepada pelanggan menerusi saluran dalam dan luar talian. Sebahagian daripada inisiatif dalam usaha sama ini ialah pelanggan Mr. DIY yang membayar menggunakan eWallet Touch 'n Go di kedai atau dalam talian akan dapat menikmati promosi dan diskaun menarik sebagai pemberian ganjaran kesetiaan.	
3.	<b>Kosmo</b> 20 Julai 2021 (Non-Essential)	<p><b>Industri sedia bawa masuk lebih banyak produk EV</b></p> <p>Pemain industri automotif di negara ini telah bersedia untuk membawa masuk lebih banyak produk kendaraan elektrik (EV) buat pengguna tempatan, namun masih menantikan polisi dan hala tuju kerajaan berhubung Pelan Pembangunan Mobiliti Rendah Karbon.</p> <p>Presiden Persatuan Automotif Malaysia (MAA), Datuk Aishah Ahmad berkata, penerimaan pasaran untuk EV akan bergantung kepada produk, harga yang lebih mampu milik dan infrastruktur mencukupi, terutamanya melibatkan kemudahan pengecasan.</p>	<a href="https://www.kosmo.com.my/2021/07/20/industri-sedia-bawa-masuk-lebih-banyak-produk-ev/">https://www.kosmo.com.my/2021/07/20/industri-sedia-bawa-masuk-lebih-banyak-produk-ev/</a>
4.	<b>Berita Harian</b> 21 Julai 2021 (Essential)	<p><b>Harga minyak global susut</b></p> <p>Harga minyak susut selepas peningkatan mengejutkan dalam stok simpanan minyak mentah Amerika Syarikat (AS) dan pelabur bimbang impak terhadap permintaan susulan penularan pantas varian Delta. West Texas</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/pasaran/2021/07/841640/harga-minyak-global-susut">https://www.bharian.com.my/bisnes/pasaran/2021/07/841640/harga-minyak-global-susut</a>

		Intermediate susut 0.5 peratus pada awal dagangan di Asia, merosot semula selepas meningkat pada Selasa. American Petroleum Institute melaporkan peningkatan 806,000 tong dalam inventori minyak mentah AS.	
5.	<b>Berita Harian 22 Julai 2021 (Essential)</b>	<p><b>Perbelanjaan pengguna diunjur susut 3.0 peratus</b></p> <p>Kekangan perbelanjaan pengguna di Malaysia dijangka berterusan sehingga 2022 berikutan dari ketidaktentuan ekonomi susulan pandemik COVID-19 yang berlarutan, demikian kata Fitch Solutions Country Risk and Industry Research. Justeru, ia telah membuat semakan semula dengan mengurangkan unjuran pertumbuhan perbelanjaan isi rumah benar Malaysia bagi 2021 kepada 3.0 peratus berbanding unjuran 11 peratus sebelum ini susulan peningkatan kes COVID-19 dan pelaksanaan semula sekatan pergerakan yang lebih ketat.</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/07/842104/perbelanjaan-pengguna-diujur-susut-kepada-30-peratus">https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/07/842104/perbelanjaan-pengguna-diujur-susut-kepada-30-peratus</a>
6.	<b>Berita Harian 22 Julai 2021 (Non-Essential)</b>	<p><b>Banyak pengedar kenderaan dijangka gulung tikar</b></p> <p>Banyak pengedar kenderaan dijangka terpaksa menutup perniagaan jika terus tidak dibenarkan untuk beroperasi dalam tempoh terdekat. Presiden Persatuan Automotif Malaysia (MAA), Datuk Aishah Ahmad, berkata pihaknya menerima banyak aduan terutama daripada</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/auto/2021/07/842067/banyak-pengedar-kenderaan-dijangka-gulung-tikar">https://www.bharian.com.my/bisnes/auto/2021/07/842067/banyak-pengedar-kenderaan-dijangka-gulung-tikar</a>

		<p>pengedar kecil mengatakan mereka sudah tidak mampu untuk bertahan lagi dari segi aliran tunai ketika ini.</p> <p>Jika situasi ini terus berlanjut untuk tempoh sebulan lagi dan pengedar masih tidak dibenarkan beroperasi, banyak pengedar yang akan menutup perniagaan dan memberhentikan pekerja mereka.</p>	
7.	<b>Berita Harian 22 Julai 2021 (Non-Essential)</b>	<p><b>Jualan kenderaan penumpang akan kembali pulih</b></p> <p>Jualan kenderaan penumpang dijangka kekal memberangsangkan pada separuh kedua tahun ini dengan sentimen pengguna beransur-ansur meningkat, didorong kadar vaksinasi yang pantas dan kelonggaran sekatan secara berfasa. Pertumbuhan TIV pada separuh kedua tahun ini disokong oleh prestasi kukuh jenama kebangsaan iaitu PROTON dan PERODUA disebabkan harga dan nilai yang lebih menarik untuk produk mereka di pasaran tempatan. Selain itu, dengan rangsangan daripada pengecualian cukai jualan dan perkhidmatan (SST), ditambah dengan pembukaan semula secara beransur-ansur ekonomi, ia akan turut menyokong TIV.</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/auto/2021/07/841367/jual-kenderaan-penumpang-akan-kembali-pulih">https://www.bharian.com.my/bisnes/auto/2021/07/841367/jual-kenderaan-penumpang-akan-kembali-pulih</a>

8.	<b>Berita Harian</b> <b>22 Julai 2021</b> <i>(Non-Essential)</i>	<p><b>Volkswagen tampil Arteon R-Line 4MOTION baharu</b></p> <p>Volkswagen Passenger Cars Malaysia (VPCM) melancarkan model utamanya, Arteon R-Line 4MOTION baharu secara dalam talian yang ditawarkan pada harga bermula RM247,670.97. Mendefinisikan kesenian sebuah kenderaan, Arteon baharu tampil menyerlah dengan gaya menarik termasuk rekaan had 'clamshell' tersendiri menurun ke arah gril krom dan hadir bersama garis lampu serta sepasang lampu utama LED dan corong pengambilan udara baharu.</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/auto/2021/07/840093/volkswagen-tampil-arteon-r-line-4motion-baharu">https://www.bharian.com.my/bisnes/auto/2021/07/840093/volkswagen-tampil-arteon-r-line-4motion-baharu</a>
9.	<b>Astro Awani</b> <b>22 Julai 2021</b> <i>(Non-Essential)</i>	<p><b>Pendigitalan PKS dengan Kempen Shop Malaysia Online dan Go-eCommerce</b></p> <p>Dalam usaha mengembangkan ekonomi digital dan mendorong pemuliharan ekonomi Malaysia, Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) telah mengumumkan permulaan kempen Shop Malaysia Online (SMO) dan Go-eCommerce (GEC), iaitu usaha sama dengan Kementerian Kewangan (MOF). Kedua-dua kempen ini bertujuan memberikan sokongan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan produk keluaran PKS, yang diadakan secara serentak dari 1 Julai – 31 Disember 2021. Antara rakan kerjasamanya termasuk peneraju platform e-Dagang Lazada dan penyedia perkhidmatan e-dompet gaya hidup Boost.</p>	<a href="https://www.astroawani.com/video-bisnes/niaga-awani-pendigitalan-pks-dengan-kempen-shop-malaysia-online-dan-goe-commerce-1914488">https://www.astroawani.com/video-bisnes/niaga-awani-pendigitalan-pks-dengan-kempen-shop-malaysia-online-dan-goe-commerce-1914488</a>

	<b>B. Subsektor Kesihatan</b>		
10.	<b>Malay Mail</b> 21 Julai 2021 (Essential)	<p><b>Head of private hospitals confirms govt order to take in all non-COVID-19 patients</b></p> <p>All non-COVID patients currently treated at public hospitals in the Klang Valley are to be transferred to private hospitals immediately to free up occupancy rates in medical wards to be repurposed for COVID-19 treatment, following a government directive that came into force yesterday.</p> <p>The cost of treatment for patients transferred to private healthcare institutions will be absorbed by the government up to a certain limit.</p>	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/07/21/all-non-covid-patient-in-public-hospitals-to-be-transferred-to-private-hosp/1991546">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/07/21/all-non-covid-patient-in-public-hospitals-to-be-transferred-to-private-hosp/1991546</a>
11.	<b>Berita Harian</b> 21 Julai 2021 (Essential)	<p><b>14 juta vaksin Sinovac dibuka untuk tempahan negeri, swasta</b></p> <p>Sebanyak 14 juta dos vaksin Sinovac akan dijual Pharmaniaga Bhd kepada syarikat swasta dan negeri yang berminat mulai bulan ini sehingga September.</p> <p>Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata penjualan vaksin secara terus kepada pihak yang berminat itu telah mendapat kebenaran Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV).</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/841806/14-juta-vaksin-sinovic-dibuka-untuk-tempahan-negeri-swasta">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/841806/14-juta-vaksin-sinovic-dibuka-untuk-tempahan-negeri-swasta</a>

12.	<b>Berita Harian</b> 21 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p><b>Penyumberluaran pesakit bukan COVID-19 bermula semalam</b></p> <p>Proses penyumberluaran pesakit bukan COVID-19 di Lembah Klang sudah dimulakan semalam ketika Kementerian Kesihatan (KKM) berdepan cabaran pengendalian kes yang meningkat saban hari. Sebanyak 38 pusat kesihatan swasta di Selangor, Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan sudah bersedia untuk menempatkan kira-kira 800 pesakit bukan COVID-19 yang terbabit dalam proses penyumberluaran itu.</p> <p>Presiden Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM), Datuk Dr Kuljit Singh, berkata biarpun penyumberluaran pesakit dari hospital kerajaan bukanlah sesuatu yang baharu, proses itu kali ini membabitkan jumlah katil yang banyak.</p> <p>Dr Kuljit berkata, penentuan pesakit yang akan dihantar untuk meneruskan rawatan di pusat perubatan swasta ditentukan pengurusan hospital kerajaan dan pesakit tidak boleh pergi sendiri ke mana-mana fasiliti kesihatan swasta tanpa rujukan dari hospital kerajaan.</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/841878/penyumberluaran-pesakit-bukan-covid-19-bermula-semalam">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/841878/penyumberluaran-pesakit-bukan-covid-19-bermula-semalam</a>
13.	<b>Astro Awani</b> 21 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p><b>PIKAS: 230,090 pekerja sektor pembuatan terima dos pertama</b></p> <p>Seramai 230,090 pekerja dalam sektor pembuatan telah menerima suntikan dos pertama</p>	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pikas-230090-pekerja-sektor-pembuatan-terima-dos-pertama-309580">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pikas-230090-pekerja-sektor-pembuatan-terima-dos-pertama-309580</a>

		<p>vaksin COVID-19 di bawah Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) setakat hari ini.</p> <p>Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) berkata, jumlah berkenaan melibatkan 14,933 syarikat yang berdaftar melalui program vaksinasi berkenaan.</p>	
	<b>C. Subsektor Penginapan</b>		
14.	<b>Astro Awani</b> 20 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<b>Hotel Grand Seasons bertukar wajah jadi markas bantu penduduk ibu kota</b>  Hotel Grand Seasons yang ditutup sejak dua tahun lalu kini berubah wajah menjadi pusat sehenti pelbagai guna yang menjadi 'markas utama' bagi membantu penduduk di ibu negara. Kira-kira 300 buah bilik di hotel bertaraf empat bintang itu kini berfungsi sebagai dapur, bank makanan, bilik penginapan, pusat gerakan jejak prihatin, khidmat kesihatan mental dan pusat vaksinasi kepada warga kota.	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/hotel-grand-seasons-bertukar-wajah-jadi-markas-bantu-penduduk-ibu-kota-309432">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/hotel-grand-seasons-bertukar-wajah-jadi-markas-bantu-penduduk-ibu-kota-309432</a>
15.	<b>News Straits Times</b> 21 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<b>Marriott International is expanding in Malaysia; to open two new hotels this year</b>  American multinational hotel chain operator Marriott International, Inc is set to open Fairfield Kuala Lumpur Jalan Pahang and Four Points by Sheraton Desaru (Johor) in the fourth quarter of this year, amid the ongoing COVID-19 pandemic.	<a href="https://www.nst.com.my/property/2021/07/710373/marriott-international-expanding-malaysia-open-two-new-hotels-year">https://www.nst.com.my/property/2021/07/710373/marriott-international-expanding-malaysia-open-two-new-hotels-year</a>

**Penemuan penting & isu:**

1. Mempercepatkan Pelan Pemulihan Nasional untuk memastikan kelangsungan hidup sektor yang tidak penting perlu bagi memastikan kelangsungan perniagaan, terutama yang berada di sektor tidak penting seperti fesyen, tekstil dan industri pakaian.
2. Lebih manfaat dan kemudahan kepada pengguna disediakan oleh Mr. DIY. Inisiatif itu disasarkan bagi memastikan pendekatan pemasaran yang lebih relevan melalui pengkhususan tawaran yang disokong oleh keupayaan data dan analisis.
3. Harga minyak mentah dunia susut selepas peningkatan mengejutkan dalam stok simpanan minyak mentah Amerika Syarikat (AS) dan pelabur bimbang impak terhadap permintaan susulan penularan pantas varian Delta.
4. Perbelanjaan pengguna diunjur susut kepada 3.0 peratus berikutan ketidaktentuan ekonomi susulan pandemik COVID-19 yang masih berlarutan.
5. Banyak pengedar kenderaan dijangka terpaksa menutup perniagaan jika terus tidak dibenarkan untuk beroperasi dalam tempoh terdekat dan mempunyai risiko perniagaan terpaksa ditutup serta pemberhentian pekerja.
6. Jualan kenderaan penumpang dijangka kekal memberangsangkan pada separuh kedua tahun 2021 disebabkan oleh prestasi kukuh jenama kereta kebangsaan dan inisiatif yang ditawarkan kerajaan.
7. *Volkswagen Passenger Cars Malaysia* (VPCM) melancarkan model utamanya, Arteon R-Line 4MOTION baharu secara dalam talian yang ditawarkan pada harga bermula RM247,670.97.
8. Pendigitalan PKS dengan Kempen *Shop Malaysia Online* dan *Go-eCommerce* diadakan secara serentak dari 1 Julai – 31 Disember 2021.
9. Berdasarkan garis panduan Kementerian Kesihatan untuk penyumberan luar pesakit bukan COVID ke hospital swasta, caj siling bagi setiap pesakit adalah RM45,000 untuk pembedahan, RM25,000 untuk bukan pembedahan, RM5,000 untuk *follow-up* dan kadar terendah yang terdapat di wad untuk bayaran katil.
10. 14 juta vaksin Sinovac dibuka untuk tempahan negeri dan syarikat swasta mulai bulan ini. Terdapat negeri, beberapa GLC, syarikat dan hospital swasta telah membuat tempahan awal sebelum tempahan ini dibuka.

11. Melalui program penyumberluaran, pihak hospital swasta akan ambil pesakit yang ditetapkan oleh hospital kerajaan dengan kos rawatan ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan. Kos rawatan itu sudah dipersetujui bersama dan seandainya ia melebihi nilai siling, pihak perubatan swasta akan berunding semula dengan kerajaan. Selain itu, pusat perubatan swasta juga bersedia memberikan lebih diskain terhadap kos rawatan kerana ia bukan bertujuan untuk mengaut keuntungan.
12. BH sebelum ini melaporkan Ketua Setiausaha KKM, Datuk Mohd Shafiq Abdullah memaklumkan peruntukan sebanyak RM100 juta disediakan bagi penyumberluaran pesakit bukan COVID-19 ke pusat perubatan swasta.
13. Tan Sri Annuar Musa dalam perkongsian di Facebooknya berkata, pusat sehenti pelbagai guna yang dikenali sebagai Rumah Prihatin@Grand Seasons bakal menyalurkan bantuan kepada ribuan individu termasuk untuk tujuan penginapan.
14. Pengendali rangkaian hotel multinasional Amerika, Marriott International, Inc akan membuka Fairfield Kuala Lumpur Jalan Pahang dan Four Points by Sheraton Desaru (Johor) pada suku keempat tahun ini, di tengah-tengah wabak COVID-19 yang berterusan.

**Maklumbalas Bahagian:**

1. Pelaksanaan PKP secara berterusan akan terus memberi impak kepada pemain industri terutamanya bagi industri bukan *essential*.
2. Pelbagai langkah dinamik yang diambil oleh kerajaan seperti meningkatkan pendigitalan PKS dan pakej pemulihan ekonomi dapat memberikan kesan positif kepada industri terlibat.
3. Penyumberluaran pesakit bukan COVID-19 ke pusat perubatan swasta akan menyumbang hasil kepada industri hospital swasta pada ST3 2021.
4. Pembukaan hotel baru yang memenuhi keperluan pelanggan bakal merancakkan industri penginapan yang semakin suram akibat pademik COVID-19.

C.	Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Astro Awani</b> 21 Julai 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p><b>WTCKL, COIC jalin kerjasama lonjak aktiviti perdagangan</b></p> <p>World Trade Centre Kuala Lumpur (WTCKL) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Chamber of International Commerce (COIC) Shanghai bagi meneroka peluang industri perdagangan di peringkat antarabangsa.</p> <p>COIC Shanghai akan berganding bahu dengan WTCKL untuk melakukan lebih banyak aktiviti kerjasama dalam meningkatkan idea pertukaran ekonomi dan perdagangan antara perusahaan perdagangan dari kedua-dua negara dan memainkan peranan yang lebih besar untuk mempromosikan hubungan ekonomi dan perdagangan di antara Shanghai dan Kuala Lumpur.</p>	<a href="https://www.astroawani.com/berita-bisnes/wtckl-coic-jalin-kerjasama-lonjak-aktiviti-perdagangan-309526">https://www.astroawani.com/berita-bisnes/wtckl-coic-jalin-kerjasama-lonjak-aktiviti-perdagangan-309526</a>
2.	<b>The Edge Markets</b> 16 Julai 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p><b>Malaysia remains key Asian destination for high-value manufacturing, global services – Knight Frank</b></p> <p>Knight Frank Malaysia expects the country to remain an attractive destination for high-value manufacturing and global services in Asia.</p> <p>Malaysia recorded a total of RM80.6 billion worth of approved investments in the</p>	<a href="https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1984642">https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1984642</a>

		<p>manufacturing, services and primary sectors in the first quarter of 2021, a surge of 95.6 per cent from the same period last year.</p> <p>The E&amp;E sector is amongst the top performers key indices such as manufacturing output, export, as well as manufacturing sales.</p>	
3.	<b>The Edge Markets</b> 22 Julai 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p><b>Auto sales shrank to 1,921 units in June, MAA trims TIV forecast</b></p> <p>The Malaysian Automotive Association (MAA) has trimmed its 2021 total industry volume (TIV) forecast to 500,000 units from 570,000 units earlier, as the sales of vehicles in June this year dropped by almost 100% following the nationwide total lockdown imposed by the government. Auto sales shrank to only 1,921 units in June - a 96% drop from 47,204 units in May - mainly due to the shutdown of assembly lines as the automotive sector was not listed as an essential economic activity and the closure of showrooms during lockdown.</p>	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/auto-sales-shrank-1921-units-june-maa-trims-tiv-forecast">https://www.theedgemarkets.com/article/auto-sales-shrank-1921-units-june-maa-trims-tiv-forecast</a>

Penemuan penting & isu:

1. *World Trade Centre Kuala Lumpur (WTCKL) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Chamber of International Commerce (COIC) Shanghai bagi meneroka peluang industri perdagangan di peringkat antarabangsa. COIC Shanghai akan berganding bahu dengan WTCKL untuk melakukan lebih banyak aktiviti kerjasama dalam meningkatkan idea pertukaran ekonomi dan perdagangan antara perusahaan perdagangan dari kedua-dua negara dan memainkan peranan yang lebih besar untuk mempromosikan hubungan ekonomi dan perdagangan di antara Shanghai dan Kuala Lumpur.*

2. Malaysia dijangka akan terus menjadi destinasi menarik untuk perkhidmatan pembuatan dan global bernilai tinggi di Asia. Malaysia mencatatkan pelaburan yang diluluskan bernilai RM80.6 bilion dalam sektor pembuatan, perkhidmatan dan primer pada suku pertama 2021, lonjakan 95.6 peratus dari tempoh yang sama tahun lalu. Sektor E&E adalah antara indeks utama yang mempunyai prestasi tinggi seperti output pembuatan, eksport, dan juga penjualan pembuatan.
3. Persatuan Automotif Malaysia (MAA) telah menurunkan perkiraan jumlah industri 2021 (TIV) kepada 500,000 unit daripada 570,000 unit sebelumnya, kerana penjualan kenderaan pada bulan Jun tahun ini menurun hampir 100% berikutan perintah 'lockdown' seluruh negara yang dikenakan oleh kerajaan. Jualan automotif merosot kepada hanya 1,921 unit pada bulan Jun - penurunan 96% daripada 47,204 unit pada bulan Mei - terutamanya disebabkan oleh penutupan bahagian pemasangan kerana sektor automotif tidak disenaraikan sebagai aktiviti ekonomi penting dan penutupan bilik pameran semasa perintah 'lockdown'.

**Maklumbalas Bahagian:**

1. China merupakan rakan dagangan utama Malaysia sejak 2009. Nilai eksport Malaysia ke China bagi Mei 2021 adalah RM13.9 bilion dan mencatatkan peningkatan RM2.1 bilion atau 17.7 peratus tahun ke tahun. Eksport ke China menyumbang sebanyak 15.0 peratus kepada keseluruhan nilai eksport Malaysia. Nilai import dari China bagi Mei 2021 adalah RM19.6 bilion dan mencatatkan peningkatan RM7.6 bilion atau 63.6 peratus tahun ke tahun. Import dari China menyumbang sebanyak 24.9 peratus kepada keseluruhan nilai import Malaysia.
2. Nilai eksport Malaysia bagi Mei 2021 adalah RM92.3 bilion dan mencatatkan penurunan sebanyak RM13.2 bilion atau 12.6 peratus bulan ke bulan. Sektor pembuatan merupakan penyumbang utama kepada eksport Malaysia dengan nilai eksport bagi Mei 2021 adalah RM78.8 bilion atau 85.4 peratus, diikuti oleh sektor pertanian (RM7.5 bilion atau 8.1 peratus) dan sektor perlombongan (RM5.7 bilion atau 6.1 peratus). Nilai eksport barang elektrik dan elektronik bagi Mei 2021 adalah RM31.6 bilion, menyusut sebanyak RM 5.5 bilion atau 14.8 peratus. Eksport barang elektrik dan elektronik menyumbang 34.2 peratus kepada keseluruhan nilai eksport.
3. Nilai eksport motorkar sudah dipasang, baru bagi Mei 2021 adalah RM38.0 juta dan mencatatkan penurunan sebanyak RM40.0 juta atau 51.4 peratus bulan ke bulan. Jumlah motorkar sudah dipasang, baru yang dieksport pada bulan Mei 2021 adalah 568 unit dan turut mencatatkan penurunan sebanyak 199 unit atau 25.9 peratus.

D.	Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Malay Mail 20 Julai 2021 (non-essential)</b>	<p><b>38 premises shut down for violating COVID-19 SOPs during nationwide spot checks</b></p> <p>Authorities shut down 38 premises which including factories, businesses and construction sites following a nationwide snap check on COVID-19 SOP adherence.</p>	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/07/20/deputy-pm-38-premises-shut-down-for-violating-covid-19-sops-during-nationwi/1991329">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/07/20/deputy-pm-38-premises-shut-down-for-violating-covid-19-sops-during-nationwi/1991329</a>
2.	<b>Berita Harian 22 Julai 2021 (non-essential)</b>	<p><b>Fasa 2 Program Vaksinasi Industri Pembinaan bermula 5 Ogos</b></p> <p>Fasa Dua Program Vaksinasi Industri Pembinaan (CIVac) akan bermula 5 Ogos yang melibatkan seramai 55,000 pekerja binaan di Pulau Pinang dan Johor.</p>	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1984622">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1984622</a>

Penemuan penting & isu:

- The government decided to conduct checks on factories and businesses nationwide as we were receiving many reports that SOPs were violated.*
- Menteri Kanan Kerja Raya Datuk Seri Fadillah Yusof berkata pendaftaran telah dibuka pada 12 Julai lepas dengan sebanyak 30,000 slot diperuntukkan untuk Pulau Pinang dan 25,000 slot untuk Johor. Beliau juga berkata bahawa pendaftaran untuk program CIVac juga dijadualkan dibuka di Pahang dan Sabah masing-masing pada 25 Julai dan 31 Julai ini untuk 20,000 pekerja binaan bagi setiap negeri. Katanya CIVac Fasa Satu telah bermula sejak 1 Julai lepas di Kuala Lumpur dan Selangor dengan jumlah sasaran pemberian vaksin kepada 40,000 pekerja sektor pembinaan warga asing dan tempatan.

Maklumbalas Bahagian:

- Pihak berkuasa telah menutup 38 premis yang melibatkan kilang, perniagaan dan tapak pembinaan hasil pemeriksaan pantas dilakukan di seluruh negara berhubung pematuhan SOP COVID-19. Penutupan 38 premis itu dilakukan berikutan pemeriksaan di 1,970 kilang, 16,530 perniagaan, 1,031 tapak pembinaan dan 272 asrama pekerja. Pada suku pertama 2021, sektor

<p>pembuatan dan pembinaan mencatatkan pertumbuhan KDNK masing-masing pada 6.6% dan -10.4%.</p> <p>2. Program CIVac merupakan inisiatif vaksinasi COVID-19 untuk pekerja di dalam industri pembinaan, satu usaha daripada CIDB yang diterajui Kementerian Kerja Raya untuk mempercepatkan kadar vaksinasi dalam kalangan barisan hadapan ekonomi bagi mengurangkan kluster jangkitan COVID-19 di tempat kerja. Sektor pembinaan merupakan antara penyumbang utama tenaga kerja dengan jumlah pekerja dianggarkan seramai 1.2 juta pada suku pertama 2021.</p>			
<b>E.</b>	<b>Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)</b>		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>The Edge</b> 21 Julai 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<b>Poh Huat pauses operations in Vietnam</b>  Furniture manufacturer Poh Huat Resources Holdings Bhd has temporarily halted the operations of its main subsidiary in Vietnam. In a filing, Vietnam-based Poh Huat Furniture Industries Vietnam Joint Stock Company's factories in the Binh Duong province and Dong Nai province had paused production activities in compliance with the Vietnamese government's orders to close non-essential businesses to contain the spread of the COVID-19 virus in the nation. Poh Huat also taking measures to contain the spread of the virus and safeguard the health of its employees who may have been exposed to the virus.	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/poh-huat-pauses-operations-vietnam">https://www.theedgemarkets.com/article/poh-huat-pauses-operations-vietnam</a>
2.	<b>New Straits Times</b> 21 Julai 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<b>MAB could incur heavy losses over the sale of A380s</b>  Malaysia Airlines Bhd (MAB) may incur significant losses if it sells its entire fleet of its Airbus A380s,	<a href="https://www.nst.com.my/business/2021/07/710220/mab-could-incur-heavy-losses-over-sale-a380s">https://www.nst.com.my/business/2021/07/710220/mab-could-incur-heavy-losses-over-sale-a380s</a>

	<p>as the current value is low due to tepid demand and abundant supply of used super jumbo aircraft amid the ongoing economic and health crises. Market observers warned that the national carrier would not be able to receive an attractive valuation for the A380 as demand for air travel remained low due to the global lockdown imposed to curb COVID-19 infections. The higher cost to operate the A380 with a bigger capacity would not be easy for airlines to achieve economies of scale and this was true even before the COVID-19 pandemic "The cost to operate the A380 will not be sufficient for airlines to even achieve a breakeven per flight without operating full capacity, exacerbated by the pandemic. MAB would need to phase out the A380 even if it meant accepting the six aircraft's current "scrap" value. The sooner this is resolved, the better. The A380 has been the airline's 'Achilles heel' for years, and it's time to put this saga to an end finally. MAB should have phased out the superjumbo a few years ago in the last restructuring. Instead, the aircraft was refinanced/extended, making the long-term situation even more challenging. MAB has confirmed it had issued a tender notice for interested parties to acquire its A380 aircraft, including its components, on July 12, 2021. This follows the group's decision to exit its A380 fleet, post its restructuring exercise</p>	
--	--	--

		completed in March 2021. The airline will follow the due process in evaluating submissions by prospective bidders and expects to complete the exercise in the fourth quarter of 2021. There was little demand for used A380s due to ample supply as several airlines had decided to pursue early phase-outs for their entire or parts of their A380 fleets.	
--	--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. Pembuat perabot, Poh Huat resources Holdings Berhad menghentikan sementara operasi terhadap subsidiari utama di Vietnam. Ini adalah untuk mematuhi arahan Kerajaan Vietnam yang mengarahkan penutupan perniagaan tidak penting untuk mengekang penularan COVID-19 di negara itu. Poh Huat juga menjangkakan kelewatan namun berusaha untuk *mitigate* penghantaran dan permintaan yang telah diletakkan.
2. Penjualan jet A380 boleh menyebabkan kerugian yang signifikan disebabkan lambakan jet jumbo di pasaran dan permintaan yang lemah. Pada masa yang sama, ia akan memberi impak kepada penilaian yang tinggi terhadap A380 disebabkan permintaan perjalanan udara yang kekal rendah serta larangan perjalanan berpunca daripada pandemik COVID-19. Walaupun akan mengalami kerugian, penjualan jet jumbo A380 perlu diselesaikan dengan segera disebabkan ia melibatkan kos pengendalian yang besar. Ini akan mengurangkan liabiliti syarikat yang sedang mengalami penstrukturkan sehingga 2025 dan salah satunya adalah dengan mengurangkan kos operasi.

Maklumbalas Bahagian:

1. Penutupan dan pemberhentian operasi perabot akan memberikan kesan kepada hasil pulangan syarikat dan pada masa yang sama meningkatkan kos yang berpunca daripada arahan penutupan oleh kerajaan Vietnam. Ini akan memberi impak kepada penyusunan statistik Pelaburan Langsung Asing di Luar Negeri. Pada suku pertama 2021, Pelaburan Langsung Asing di Luar Negeri Malaysia mencatatkan aliran keluar bersih RM7.8 bilion berbanding RM5.2 bilion pada suku sebelumnya.
2. Penjualan kapal terbang jumbo bertaraf A380 mencatatkan pengurangan signifikan berikutan permintaan perjalanan udara yang rendah. Ini memberikan kesan secara langsung terhadap penyusunan statistik Akaun Perkhidmatan

<p>terutamanya komponen Pengangkutan dan Penyenggaraan &amp; pemberian. Pada suku tahun pertama 2021, komponen Pengangkutan dan Penyenggaraan &amp; pemberian masing-masing mencatatkan defisit sebanyak RM7.6 bilion dan RM43 juta.</p>			
<b>F.</b>	<b>Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)</b>		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Berita Harian</b> 21 Julai 2021 (essential)	<p><b>Program eBizLink MATRADE sasar jualan eksport RM60 juta</b></p> <p>Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) menyasarkan untuk membantu 600 syarikat Malaysia dan menjana penjualan eksport di peringkat global bernilai RM60 juta menerusi program 'Electronic Business Linkages' (eBizLink).</p> <p>MATRADE menyatakan lebih 40 Kempen Global ePerniagaan akan dianjurkan di bawah program eBizLink selama setahun, dengan projek pertama dilancarkan secara serentak di Kuala Lumpur dan Beijing, China pada 17 Jun 2021. Penjualan awal merekodkan 15.18 juta yuan (RM9.87 juta) dalam projek pertama, dengan produk utama termasuk durian beku, ais krim durian, durian kering, sarang burung, mi segera, buah goreng beku, jem, rempah, pes, madu dan sos.</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/07/841812/program-ebizlink-matrade-sasar-jualan-eksport-rm60-juta">https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/07/841812/program-ebizlink-matrade-sasar-jualan-eksport-rm60-juta</a>
2.	<b>Berita Harian</b> 22 Julai 2021 (non-essential)	<p><b>JanaNiaga mampu sumbang RM4.8 bilion kecairan tunai PKS</b></p> <p>Pembelian melalui platform pembayaran digital rantaian bekalan nasional JanaNiaga</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/842014/jananiaga-mampu-sumbang-rm48-bilion-kecairan-tunai">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/842014/jananiaga-mampu-sumbang-rm48-bilion-kecairan-tunai</a>

	<p>dijangka mampu menyumbang kepada RM4.8 bilion kecairan tunai Perusahaan Kecil Sederhana Negara (PKS) negara.</p> <p>Pada peringkat awal ini, JanaNiaga akan dilaksanakan dengan Petronas dan Telekom Malaysia (TM). Peningkatan peruntukan sehingga RM1.2 bilion melalui pembabitan lebih banyak institusi kewangan yang akan menyertai JanaNiaga secara berfasa.</p> <p>Platform JanaNiaga berterajukan pembiayaan invois daripada pembekal syarikat berkaitan kerajaan (GLC) melalui portal digital.</p>	<a href="#">pks</a>
--	---	---------------------

#### Penemuan penting & isu:

1. Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) menasarkan untuk membantu 600 syarikat Malaysia dan menjana penjualan eksport di peringkat global bernilai RM60 juta menerusi program '*Electronic Business Linkages*' (eBizLink). Selain itu, lebih 40 Kempen Global ePerniagaan akan dianjurkan di bawah program eBizLink selama setahun. Projek pertama dilancarkan secara serentak di Kuala Lumpur dan Beijing, China pada 17 Jun 2021 yang merekodkan jualan sebanyak 15.18 juta yuan (RM9.87 juta).
2. Pembiayaan melalui platform pembayaran digital rantaian bekalan nasional JanaNiaga dijangka mampu menyumbang kepada RM4.8 bilion kecairan tunai Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) negara. Pada peringkat awal ini, JanaNiaga akan dilaksanakan dengan Petronas dan Telekom Malaysia (TM). Platform JanaNiaga berterajukan pembiayaan invois daripada pembekal syarikat berkaitan kerajaan (GLC) melalui portal digital. Platform seperti ini memberi faedah besar kepada ekosistem dan diguna pakai secara luas oleh semua ekonomi luar negara.

Maklumbalas Bahagian:

1. Program eBizLink membantu perniagaan mencapai pelanggan berpotensi melangkaui sempadan melalui platform e-dagang. Program ini dijangka akan membantu PKS dalam meluaskan pemasarannya dan membuka peluang perniagaan baharu dalam pasaran global. Platform ini akan memberi impak kepada PKS dalam menjana pendapatan dan memperkuatkan daya saing perniagaan di peringkat global, seterusnya meningkatkan pertumbuhan eksport negara.
2. Platform JanaNiaga membolehkan pembiayaan invois daripada pembekal syarikat berkaitan kerajaan (GLC) kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) melalui portal digital. Di samping itu, platform ini juga adalah inisiatif kerajaan untuk menyokong bantuan pembiayaan bagi membantu kedudukan kewangan PKS untuk memastikan kelangsungan perniagaan. Sumbangan sektor PKS kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia meningkat kepada 38.9 peratus pada 2019 berbanding 38.3 peratus tahun sebelumnya.

G.	Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Kosmo!</b> 20 Julai 2021 (Essential)	<p><b>Harga siling minyak masak lima kg RM30 sebotol</b></p> <p>Kerajaan memutuskan untuk mewartakan minyak masak lima kilogram (kg) tidak bersubsidi pada kadar RM30 sebotol.</p>	<a href="https://www.kosmo.com.my/2021/07/20/harga-siling-minyak-masak-lima-kg-rm30-sebotol/">https://www.kosmo.com.my/2021/07/20/harga-siling-minyak-masak-lima-kg-rm30-sebotol/</a>
2.	<b>The Sun Daily</b> 20 Julai 2021 (Essential)	<p><b>Gobok Rakyat Johor another initiative to help pandemic-hit residents</b></p> <p>The state government are providing food and basic essentials from the Gobok Rakyat Johor under the Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Ihsan Johor 3.0 which more than 100,000 recipients are going to get benefit from it. Providing food is a challenge despite the current situation where people got retrench from their job,</p>	<a href="https://www.thesundaily.my/local/gobok-rakyat-johor-another-initiative-to-help-pandemic-hit-residents-JG8091469">https://www.thesundaily.my/local/gobok-rakyat-johor-another-initiative-to-help-pandemic-hit-residents-JG8091469</a>

		businesses are not blossoming, and workers who earn just enough to make ends meet.	
3.	<b>The Sun Daily</b> 20 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p><b>3,391 households have received Bakul Prihatin Negara assistance so far</b></p> <p>The Bakul Prihatin Negara assistance has distributed 420,000 baskets of necessities to 1.68 million recipients who are badly affected by the pandemic. Food assistance are distributed by stages in 11 states from 48 districts in total.</p>	<a href="https://www.thesundaily.my/local/3391-households-have-received-bakul-prihatin-negara-assistance-so-far-EH8090413">https://www.thesundaily.my/local/3391-households-have-received-bakul-prihatin-negara-assistance-so-far-EH8090413</a>
4.	<b>The Star</b> 20 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p><b>Developer reaches out to 500 Segambut families</b></p> <p>Property developer UEM Sunrise provided essentials to 500 families in Segambut, Kuala Lumpur and the contribution was the latest under the company's corporate social responsibility (CSR) effort to support groups and communities affected by COVID-19.</p>	<a href="https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2021/07/20/developer-reaches-out-to-500-segambut-families">https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2021/07/20/developer-reaches-out-to-500-segambut-families</a>
5.	<b>Berita Harian</b> 21 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p><b>MAIS salur RM50,000 bantu urus jenazah pesakit COVID-19</b></p> <p>Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menyalurkan dana RM50,000 bagi menyediakan peralatan pengurusan jenazah pesakit COVID-19 seperti set kelengkapan pelindung diri (PPE) dan beg mayat.</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/841700/mais-salur-rm50000-bantu-urus-jenazah-pesakit-covid-19">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/841700/mais-salur-rm50000-bantu-urus-jenazah-pesakit-covid-19</a>

6.	<b>Sinar Harian</b> 21 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<b>Usahawan agih 900 kg daging korban sempena Aidiladha</b>  Menerusi Program Korban Tanda Cinta hasil inisiatif seorang usahawan, 100 fakir miskin di Georgetown menerima daging lembu dan kambing korban yang berjumlah 900 kilogram keseluruhannya. Mereka turut menerima bantuan keperluan asas seperti beras, gula, roti dan makanan kering.	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/151133/EDISI/Usahawan-agih-900-kg-daging-korban-sempena-Aidiladha">https://www.sinarharian.com.my/article/151133/EDISI/Usahawan-agih-900-kg-daging-korban-sempena-Aidiladha</a>
7.	<b>Harian Metro</b> 21 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<b>Sarawak laksana Skim Bantuan Sewa Kediaman</b>  Pemohon atau penyewa dalam kalangan penerima bantuan e-kasih atau pendapatan isi rumahnya tidak melebihi RM2,131 sebulan yang tinggal di kawasan bandar Kuching, Sibu, Bintulu dan Miri layak memohon Skim Bantuan Sewa Kediaman yang memberi manfaat sebanyak RM200 sebulan selama 3 tahun maksimum. Kerajaan negeri Sarawak bersetuju untuk melaksanakan skim ini bagi membantu golongan yang berpendapatan rendah dan terjejas akibat COVID-19.	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/07/733216/sarawak-laksana-ski-m-bantuan-sewa-kediaman">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/07/733216/sarawak-laksana-ski-m-bantuan-sewa-kediaman</a>
8.	<b>Utusan Malaysia</b> 21 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<b>PKPD: Kedah lulus peruntukan RM373,545</b>  2,767 penghuni rumah di kawasan PKPD di daerah Kuala Muda akan menerima bantuan khas makanan basah dan wang tunai. Hal ini mengambil kira lokasi itu tidak mempunyai perkhidmatan bank atau ATM.	<a href="https://harakahdaily.net/index.php/2021/07/21/pkpd-kedah-lulus-peruntukan-rm373545/">https://harakahdaily.net/index.php/2021/07/21/pkpd-kedah-lulus-peruntukan-rm373545/</a>

		Bantuan yang diagihkan melibatkan peruntukan sebanyak RM373,545. Bantuan akan disalurkan di Taman Bandar Baru, Taman Cahaya, Lembah Permai Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah dan Kampung Sireh.	
9.	<b>New Straits Times</b> 21 Julai 2021 (Essential)	<p><b>Aid a relief for school canteen operators</b></p> <p>A one-off assistance are given to 10,000 school canteen operators worth of RM1,000 under the Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (Pemulih). Most of them lost their income as school undergo closure and students are using online platforms for their education. Some of the operators have call it quits and some of them are barely surviving. The government will be giving moratorium on rental for six months and automatic contract renewal for next year.</p>	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2021/07/710233/aid-relief-school-canteen-operators">https://www.nst.com.my/news/nation/2021/07/710233/aid-relief-school-canteen-operators</a>
10.	<b>Sinar Harian</b> 22 Julai 2021 (Essential)	<p><b>Menara telekomunikasi selesaikan isu internet kampung orang asli</b></p> <p>Masalah capaian internet lemah melibatkan empat penempatan termasuk perkampungan orang asli di Seri Iskandar di sini dijangka dapat diatasi apabila sebuah menara telekomunikasi akan didirikan di kawasan tersebut.</p>	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/151182/EDISI/Menara-telekomunikasi-selesaikan-isu-internet-kampung-orang-asli">https://www.sinarharian.com.my/article/151182/EDISI/Menara-telekomunikasi-selesaikan-isu-internet-kampung-orang-asli</a>

**Penemuan penting & isu:**

1. Kerajaan bersetuju untuk menetapkan harga runcit bagi minyak masak sawit lima kg tidak melebihi RM30 sebotol. Pewartaan harga siling minyak masak botol itu bertujuan mengelak isu lonjakan harga sehingga membebankan pengguna seperti berlaku sebelum ini, selaras dengan program harga kawalan berasaskan nilai ambang minyak sawit mentah.
2. Program Gobok Rakyat Johor yang diusahakan oleh kerajaan negeri bagi membantu lebih daripada 100,000 penerima yang terkesan daripada pandemik COVID-19.
3. Seramai 1,017 daripada 3,391 penerima telah menerima bantuan daripada program Bakul Prihatin Negara (BPN).
4. Dengan situasi penduduk di bawah PKPD, wakil UEM Sunrise yang diketuai oleh ketua pegawai eksekutifnya, Ahli Parlimen Segambut dan pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan barang keperluan asas untuk 250 keluarga di pusat operasi di Kampung Segambut Dalam dan 250 keluarga di Kampung Masjid Segambut.
5. Peruntukan Baitulmal MAIS itu disalurkan kepada Amal Valley Organization iaitu pertubuhan yang dilantik oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) untuk menguruskan jenazah COVID-19 di hospital di Selangor. Objektif sumbangan ini adalah sebagai tanda sokongan MAIS kepada maslahah umat Islam di negeri ini dalam menghadapi situasi penularan pandemik COVID-19.
6. 100 fakir miskin menerima daging dan kambing korban serta bantuan bekalan makanan asas melalui Program Korban Tanda Cinta.
7. Skim Bantuan Sewa Kediaman yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri Sarawak bakal memberi manfaat buat mereka yang berpendapatan rendah dan terjejas akibat COVID-19.
8. Peruntukan sebanyak RM373,545 berupa wang tunai dan barang makanan telah memberi manfaat kepada penghuni 2,765 buah rumah di daerah Kuala Muda yang dikenakan PKPD.
9. Pengusaha kantin sekolah akan menerima bantuan secara *one-off* dan moratorium selama 6 bulan bagi pembayaran sewa premis.
10. Exco Belia, Sukan, Komunikasi dan Multimedia Perak menyatakan masalah capaian internet di perkampungan Orang Asli di Seri Iskandar

dapat diatasi dengan pembinaan sebuah Menara telekomunikasi. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bersetuju untuk memperuntukan sebuah pencawang baharu bagi memenuhi capaian internet di Kawasan tersebut.

Maklumbalas Bahagian:

1. Kenaikan Penetapan harga siling runcit minyak masak akan meredakan inflasi bagi item Minyak masak yang meningkat kepada 10.4 peratus pada Mei 2021.
2. Kerajaan menyediakan pelbagai bantuan, subsidi dan inisiatif bagi membantu dan mengurangkan beban rakyat Malaysia yang terkesan untuk meneruskan kelangsungan hidup melalui pelbagai medium. Isu semasa berkaitan kumpulan isi rumah, kemiskinan dan penyaluran bantuan kepada isi rumah akan dijadikan rujukan untuk semakan penemuan pendapatan isi rumah bagi survei HIES dan juga kajian pemetaan program bantuan dalam pembangunan Pangkalan Data Perlindungan Sosial (PDPS).
3. Pengiraan simulasi pendapatan dan kemiskinan 2020 peringkat negeri ditambahbaik dengan merujuk kepada statistik terkini KDNK Negeri 2020 dan statistik gaji upah 2020. Penerbitan khas anggaran pendapatan tahun 2020 dijangka akan diterbitkan pada 23 Julai 2021.
4. Pembinaan menara komunikasi di kawasan perkampungan Orang Asli di Seri Iskandar dijangka akan meningkatkan peratus capaian dan penggunaan internet oleh isi rumah dan individu serta akan dijadikan rujukan untuk semakan penemuan survei ICTHS yang akan datang.

H.	Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Astro Awani</b> 21 Julai 2021 (Non-Essential)	<p><b>COVID-19: Malaysia catat kematian tertinggi, namun majoriti kes baharu tidak bergejala - Dr Noor Hisham</b></p> <p>Jumlah jangkitan baharu COVID-19 di Malaysia menurun sedikit apabila merekodkan 11,985 kes positif sepanjang 24 jam lalu berbanding 12,000 kes pada semalam.</p>	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-malaysia-catat-kematian-tertinggi-namun-majoriti-kes-baharu-tidak-bergejala-dr-noor-hisham-309555">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-malaysia-catat-kematian-tertinggi-namun-majoriti-kes-baharu-tidak-bergejala-dr-noor-hisham-309555</a>

2.	<p><b>Sinar Harian</b> 22 Julai 2021 (<i>Non-Essential</i>)</p>	<p><b>Sabah dijadual terima lebih sejuta dos vaksin COVID-19 pada Julai</b></p> <p>Sabah dijadual menerima lebih satu juta dos vaksin COVID-19 pada Julai, kata Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah, Datuk Masidi Manjun.</p>	<p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/151252/KHAS/Covid-19/Sabah-dijadual-terima-lebih-sejuta-dos-vaksin-Covid-19-pada-Julai">https://www.sinarharian.com.my/article/151252/KHAS/Covid-19/Sabah-dijadual-terima-lebih-sejuta-dos-vaksin-Covid-19-pada-Julai</a></p>
----	---	---	--

#### Penemuan penting & isu:

1. Jumlah kes kumulatif COVID-19 di Malaysia kini ialah 951,884. Kematian baharu pula adalah 199 kes sekali gus menjadi angka tertinggi setakat ini, namun perkembangan positif adalah majoriti kes baharu hari ini adalah pesakit tidak bergejala. Selangor terus mencatatkan kes tertinggi harian dengan 5,550 jangkitan. Jangkitan baharu di negeri-negeri lain pula ialah Kuala Lumpur dengan 1,174 kes, Kedah (800), Negeri Sembilan (745), Sabah (657) dan Johor (644). Daripada keseluruhan 11,985 kes, 65 kes atau 0.5 peratus berada pada kategori 5 iaitu kritikal dan menggunakan ventilator. Sementara kategori 4 (perlu oksigen): 45 kes (0.4%), kategori 3 (radang paru-paru): 178 kes (1.5%), kategori 2 (gejala ringan): 5,847 kes (48.7%) dan kategori 1 (tiada gejala): 5,850 kes (48.9%). Kes sembah pada Rabu pula adalah 7,902 kes menjadikan jumlah kes yang sembah sepenuhnya ialah 806,857 kes. Seramai 927 pesakit dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan daripada jumlah itu, 459 kes memerlukan bantuan alat pernafasan. Kes aktif dengan kebolehjangkitan ialah 137,587.
2. Untuk bulan ini Sabah telah menerima 747,980 dos vaksin itu setakat ini termasuk penghantaran terbaru 152,100 dos yang telah sampai ke sini pada petang Rabu. Mengikut jadual penghantaran Sabah akan menerima 30,000 dos vaksin COVID-19 pada Jumaat dan satu lagi bekalan vaksin dalam kuantiti yang besar iaitu 308,880 dos dijangka sampai pada 28 Julai.

#### Maklumbalas Bahagian:

1. Data kematian pada suku tahun pertama 2021 ialah:
  - Jumlah kematian pada suku tahun pertama 2021 direkodkan sebanyak 43,545 kematian, meningkat sebanyak 0.7 peratus berbanding suku tahun pertama 2020 (43,226 kematian);
  - Sejumlah 25,076 kematian adalah lelaki sementara 18,469 kematian adalah perempuan; dan
  - Sebanyak 801 kematian disebabkan COVID-19 pada suku tahun

<p>pertama 2021, meningkat 70.1 peratus berbanding 471 kematian pada keseluruhan tahun 2020. Selangor merekodkan bilangan kematian tertinggi akibat COVID-19 iaitu 285 kematian manakala W.P. Putrajaya merekodkan kematian terendah iaitu hanya 2 kematian dan tiada kematian direkodkan di Perlis.</p> <p>2. Berdasarkan data pendaftaran penduduk semasa, penduduk Malaysia pada suku tahun pertama 2021 dianggarkan 32.75 juta orang, meningkat 0.4 peratus berbanding suku tahun pertama 2020 (32.62 juta). Jumlah penduduk ini merangkumi 29.91 juta orang (91.3%) Warganegara dan 2.84 juta orang (8.7%) Bukan warganegara. Penduduk berumur 65 tahun dan lebih (umur tua) meningkat daripada 2.26 juta kepada 2.37 juta bagi tempoh yang sama.</p>
--

I.	<b>Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM)</b>		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Berita Harian</b> 20 Julai 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<b>Kanak-kanak rentan disaran ambil vaksin</b>  Jawatankuasa Bersama Vaksinasi dan Imunisasi (JCVI) mencadangkan supaya kanak-kanak golongan rentan mendapatkan suntikan vaksin Pfizer-BioNTech. Ini termasuk remaja berusia 12 hingga 15 tahun yang mengalami kecacatan saraf, sindrom down, imunosupresi dan masalah pembelajaran.	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/07/732871/kanak-kanak-rentan-disaran-ambil-vaksin">https://www.hmetro.com.my/mutahir/2021/07/732871/kanak-kanak-rentan-disaran-ambil-vaksin</a>
2.	<b>Berita Harian</b> 20 Julai 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<b>Kerajaan disaran bekal kit ujian kendiri percuma kepada B40</b>  Kerajaan disaran membekalkan kit ujian kendiri COVID-19 secara percuma kepada golongan B40 yang memerlukan. Namun jika wujud kekangan kewangan untuk melaksanakan sedemikian, pemberian subsidi bersasar kepada mereka perlu dipertimbangkan secara serius.	<a href="https://www.bharan.com.my/berita/nasional/2021/07/841439/kerajaan-disaran-bekal-kit-ujian-kendiri-percuma-kepada-b40">https://www.bharan.com.my/berita/nasional/2021/07/841439/kerajaan-disaran-bekal-kit-ujian-kendiri-percuma-kepada-b40</a>

		Cadangan itu dibuat selepas mengambil kira harga jualan kit terbabit berkemungkinan membebankan golongan berpendapatan rendah, terutama yang ada ramai ahli keluarga.	
--	--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. Jawatankuasa Bersama Vaksinasi dan Imunisasi (JCVI) mencadangkan supaya kanak-kanak golongan rentan mendapatkan suntikan vaksin Pfizer-BioNTech.
2. Kerajaan disaran membekalkan kit ujian kendiri COVID-19 secara percuma kepada golongan B40 yang memerlukan. Pemberian subsidi bersasar kepada mereka perlu dipertimbangkan secara serius.

Maklumbalas Bahagian:

1. Kanak-kanak rentan disarankan mendapat vaksin COVID-19 supaya dilindungi daripada risiko mendapat penyakit serius daripada COVID-19. Merujuk kepada MyLocal Stats 2019, bilangan kumulatif Orang Kurang Upaya (OKU) bagi yang berumur 18 tahun ke bawah di Malaysia pada 2019 adalah seramai 196,846 orang.
2. Golongan B40 adalah paling terkesan semasa pandemik ini. Pihak kerajaan adalah disarankan untuk membekalkan kit ujian kendiri COVID-19 secara percuma kepada golongan ini bagi meringankan beban mereka terutama yang mempunyai ramai ahli keluarga. Berdasarkan MyLocal Stats 2019 dan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas, had pendapatan bagi kumpulan B40 pada tahun 2019 yang merangkumi 2.91 juta isi rumah adalah RM4,849.

J.	Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Kosmo</b> 20 Julai 2021 (Essential)	<b>Telur ayam naik harga</b> Harga pasaran telur ayam bagi semua gred menyaksikan kenaikan antara 20 sen hingga RM1.30 sepanjang di seluruh negara sejak minggu lalu. Tinjauan mendapati, kenaikan itu didorong kurangnya bekalan	<a href="https://www.kosmo.com.my/2021/07/20/telur-ayam-naik-harga/">https://www.kosmo.com.my/2021/07/20/telur-ayam-naik-harga/</a>

		dari pada peladang selain permintaan yang tinggi. Banyak ladang ternakan tidak beroperasi kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan menyebabkan bekalan berkurangan.	
2.	<b>Utusan</b> 21 Julai 2021 (Essential)	<b>Lambakan punca durian ‘Lepeh’ turun harga</b>  Lambakan durian musang king dan beberapa jenis baka lain menyebabkan harganya kini menjunam antara RM5 hingga RM15 sekilogram. Pasaran yang cukup tenat ketika berdepan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyebabkan durian yang berkualiti dan mahal sebelum ini kurang mendapat permintaan.	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2021/07/lambakan-punca-durian-lepeh-turun-harga/">https://www.utusan.com.my/nasional/2021/07/lambakan-punca-durian-lepeh-turun-harga/</a>
3.	<b>Utusan</b> 20 Julai 2021 (Essential)	<b>Uncle Loh sedih jual durian tahun ini tiada ‘ong’</b>  Jualan tidak memberangsangkan kerana orang ramai tidak bebas datang membeli durian berikutan larangan merentas daerah dan negeri serta pintu sempadan Malaysia-Singapura masih ditutup.	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2021/07/uncle-loh-sedih-jual-durian-tahun-ini-tiada-on/">https://www.utusan.com.my/nasional/2021/07/uncle-loh-sedih-jual-durian-tahun-ini-tiada-on/</a>
Penemuan penting & isu:			<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kekurangan bekalan telur ayam dari pada peladang selain permintaan yang tinggi menjadi punca kenaikan harga telur ayam. Banyak ladang ternakan tidak beroperasi kerana PKP dan menyebabkan bekalan berkurangan.</li> <li>2. Lambakan durian musang king dan beberapa jenis baka lain di Lipis, menyebabkan harganya kini menjunam antara RM5 hingga RM15 sekilogram. Pasaran yang cukup tenat ketika berdepan tempoh PKP menyebabkan durian</li> </ol>

yang berkualiti dan mahal sebelum ini kurang mendapat permintaan.

- Jualan tidak memberangsangkan kerana orang ramai tidak bebas datang membeli durian berikutan larangan merentas daerah dan negeri serta pintu sempadan Malaysia-Singapura masih ditutup. Disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) juga, peraih durian dari luar seperti Johor Bahru, Kuala Lumpur dan Singapura tidak dapat turun ke dusun seperti mana sebelum ini.

Maklumbalas Bahagian:

- Punca kekurangan bekalan telur ayam adalah disebabkan oleh ladang yang tidak beroperasi semasa tempoh PKP. Berdasarkan kepada Indikator Pertanian Terpilih 2020, telur ayam/itik merekodkan 852.4 ribu tan metrik pada 2019, peningkatan 3.4 peratus berbanding 824.2 ribu tan metrik pada 2018. Walau bagaimanapun, Kadar Sara Diri (SSR) bagi telur ayam/itik pada 2019 adalah 113.6 peratus lebih rendah berbanding 116.4 peratus yang direkodkan pada tahun sebelumnya. Harga purata runcit bagi telur ayam (Gred A) pada Januari – Jun 2020 adalah RM 0.39 sen sebiji berbanding RM0.41 sen sebiji yang direkodkan pada 2019.
- Pengeluaran durian pada 2019 merekodkan sebanyak 377,251.0 tan metrik. Booklet Statistik Tanaman yang diterbitkan oleh DOA menjangkakan jumlah pengeluaran durian akan meningkat kepada 405,536 tan metrik pada 2020. Berdasarkan penerbitan IPT 2020 (Januari-Jun 2020), purata harga durian kampung adalah RM12.10. Pelaksanaan PKP 3.0 ini dijangka akan memberi kesan kepada harga durian pada 2021.

K.	Malaysian Bureau of Labour Statistics (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Astro Awani 22 July 2021 (Non-Essential)</b>	<p><b>Sektor mekanikal, elektrik alami tekanan, mungkin tidak dapat lagi bertahan - MCMEA</b></p> <p>Majlis Persatuan Mekanikal dan Elektrik Malaysia (MCMEA) menyatakan sektor mekanikal dan elektrik sedang mengalami tekanan yang akan mengakibatkan perniagaan tidak lagi dapat bertahan berikutan segmen berkaitan pembuatan, rantai bekalan serta penyelenggaraan tidak dibenarkan beroperasi.</p>	<a href="https://www.astroawani.com/berita-bisnes/sektor-mekanikal-elektrik-alami-tekanan-mungkin-tidak-dapat-lagi-bertahan-mcmea-309730">https://www.astroawani.com/berita-bisnes/sektor-mekanikal-elektrik-alami-tekanan-mungkin-tidak-dapat-lagi-bertahan-mcmea-309730</a>

		<p>Walaupun sebahagian ahli persatuan tergolong dalam kumpulan perkhidmatan penting dan sokongan kritikal namun mereka tidak memperoleh kelulusan untuk beroperasi sejak 1 Jun. MCMEA merupakan gabungan enam persatuan yang merangkumi lebih 3,000 syarikat ahli dengan lebih 100,000 pekerja.</p>	
2.	<b>The Edge Market 22 July 2021 (Non-Essential)</b>	<p><b>Tengku Zafrul: 64,773 Grab, foodpanda delivery partners registered for SESSS</b></p> <p>A total of 64,773 active contributors, comprising Grab Malaysia and Foodpanda delivery partners, have registered for and contributed to the Self-Employed Social Security Scheme (SESSS) under the Social Security Organisation (SOCSO) as of July 9, 2021.</p> <p>The scheme is an extension of PenjanaGig, a government assistance initiative to ensure the social security and welfare of self-employed persons. Government is providing assistance under Plan 2 of the SPS Lindung protection scheme by funding the annual SESSS contribution amount of RM232.80 per person for a one-year coverage.</p>	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/tengku-zafrul-64773-grab-foodpanda-delivery-partners-registered-sesss">https://www.theedgemarkets.com/article/tengku-zafrul-64773-grab-foodpanda-delivery-partners-registered-sesss</a>

3.	<p><b>The Edge Market</b>  <b>22 July 2021</b>  <i>(Non-essential)</i></p>	<p><b>MoF launches National Supply Chain Finance Platform to assist SMEs, EXIM Bank kick starts programme with RM300m allocation</b></p> <p>Ministry of Finance (MoF) today launched the National Supply Chain Finance Platform, dubbed as "JanaNiaga", with an aim to assist small and medium enterprises (SMEs) in maintaining a healthy cash flow while also limiting credit risk to financiers or financial institutions in Malaysia.</p> <p>To kick start the programme, an allocation of RM300 million has been provided by EXIM Bank to mobilize JanaNiaga. The steps taken by government was to continue to support SMEs to protect employment and ensure they continue to contribute to the national economy.</p>	<p><a href="https://www.theedgemarkets.com/article/tengku-zafrul-national-supply-chain-finance-platform-jana-niaga-allocation-reach-rm12b">https://www.theedgemarkets.com/article/tengku-zafrul-national-supply-chain-finance-platform-jana-niaga-allocation-reach-rm12b</a></p>
4.	<p><b>The Edge Market</b>  <b>21 July 2021</b>  <i>(Non-essential)</i></p>	<p><b>FMM hopes govt allows non-essential sectors to resume at 50% capacity</b></p> <p>The Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) hopes the government will allow manufacturing companies in all non-essential sectors to resume at 50% workforce capacity regardless of whether they are located in Phase 1 or 2 of the National Recovery Plan (NRP).</p>	<p><a href="https://www.theedgemarkets.com/article/fmm-hopes-govt-allows-nonessential-sectors-resume-50-capacity">https://www.theedgemarkets.com/article/fmm-hopes-govt-allows-nonessential-sectors-resume-50-capacity</a></p>

		Manufacturers in the non-essential sectors, especially micro, small and medium enterprises (MSMEs), are currently in a dire state of affairs and are already severely impacted by the prolonged business suspension.	
--	--	--	--

Penemuan penting & isu:

1. Majlis Persatuan Mekanikal dan Elektrik Malaysia (MCMEA) menyatakan sektor mekanikal dan elektrik sedang mengalami tekanan yang akan mengakibatkan perniagaan tidak lagi dapat bertahan berikutan segmen berkaitan pembuatan, rantaian bekalan serta penyelenggaraan tidak dibenarkan beroperasi. MCMEA merupakan gabungan enam persatuan yang merangkumi lebih 3,000 syarikat melibatkan 100,000 pekerja.
2. Sejumlah 64,773 pencarum aktif yang terdiri daripada rakan penghantar Grab Malaysia dan Foodpanda telah mendaftar dan mencarum di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Skim ini merupakan penambahbaikan daripada PenjanaGig bagi memastikan perlindungan keselamatan sosial kepada orang yang bekerja sendiri di bawah SKSPS.
3. Kementerian Kewangan (MOF) melancarkan Platform Pembayaran Digital Rantaian Bekalan Nasional atau JanaNiaga yang akan memanfaatkan PKS yang mengalami masalah aliran tunai disebabkan tempoh pembayaran invois yang lama. Platform JanaNiaga akan diterajui oleh EXIM Bank dengan penglibatan beberapa institusi kewangan di Malaysia.
4. *Federation of Malaysian Manufacturers* (FMM) berharap kerajaan akan membenarkan syarikat pembuatan yang bukan dalam senarai perkhidmatan perlu untuk beroperasi dengan kapasiti pekerja 50 peratus tanpa mengira status Fasa 1 atau 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN). Pengilang yang tidak tersenarai dalam perkhidmatan perlu terutamanya PKS sangat terjejas berikutan penutupan operasi yang berpanjangan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Statistik utama tenaga buruh bagi bulan Mei 2021 yang diterbitkan pada 8 Julai 2021 adalah seperti berikut:
  - i) Tenaga buruh: 16,098.9 ribu
  - ii) Penduduk bekerja: 15,370.8 ribu

- iii) Penganggur: 728.1 ribu  
 iv) Luar tenaga buruh: 7,398.0 ribu  
 v) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.5 peratus  
 vi) Kadar pengangguran: 4.5 peratus
2. Statistik utama tenaga buruh pada ST1 2021 berdasarkan Laporan Tenaga Buruh adalah seperti berikut:
- i) Tenaga buruh: 16,008.4 ribu
  - ii) Penduduk bekerja: 15,236.5 ribu
  - iii) Penganggur: 771.8 ribu
  - iv) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.6 peratus
  - v) Kadar pengangguran: 4.8 peratus
3. Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) meliputi statistik pekerja sektor swasta di Malaysia. Berikut merupakan maklumat utama berdasarkan SGT ST1 2021:
- i) Jawatan: 8,437.5 ribu
  - ii) Jawatan diisi: 8,259.6 ribu
  - iii) Kekosongan: 177.9 ribu
  - iv) Pewujudan jawatan: 17.38 ribu
  - v) Kadar jawatan diisi: 97.9%
  - vi) Kadar kekosongan: 2.1%
4. Statistik pekerja mengikut aktiviti utama ekonomi bagi ST1 2021 berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh adalah seperti berikut:
- i) Pertanian: 1,861 ribu orang (Sumbangan: 12.2%)
  - ii) Perlombongan dan pengkuarian: 73 ribu orang (Sumbangan: 0.5%)
  - iii) Pembuatan: 2,594 ribu orang (Sumbangan: 17.0%)
  - iv) Pembinaan: 1,390 ribu orang (Sumbangan: 9.1%)
  - v) Perkhidmatan: 9,318 ribu orang (Sumbangan: 61.2%)
  - vi) Jumlah: 15,237 ribu orang (Sumbangan: 100.0%)
5. Guna tenaga Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mengikut aktiviti ekonomi pada tahun 2019 adalah seperti berikut:
- i) Pertanian: 776 ribu orang (Sumbangan: 10.6%)
  - ii) Perlombongan dan pengkuarian: 21 ribu orang (Sumbangan: 0.3%)
  - iii) Pembuatan: 1,192 ribu orang (Sumbangan: 16.3%)
  - iv) Pembinaan: 707 ribu orang (Sumbangan: 9.7%)
  - v) Perkhidmatan: 4,623 ribu orang (Sumbangan: 63.2%)
  - vi) Jumlah: 7,319 ribu orang (Sumbangan: 100.0%)